



# ninjacold

## Garis Panduan Pembungkusan

Pastikan anda membungkus barang berharga anda dengan betul untuk mengekalkan keadaan bungkusan anda sepanjang proses penghantaran.



### Kotak Kad bod Tanpa Ais\*

Lapisan tambahan pembalut pengecut dan/atau pembalut gelembung mesti digunakan untuk mengukuhkan kotak bungkusan anda. Ais tidak diperlukan untuk kotak kad bod.

\*Sila rujuk cadangan saiz di Halaman 03.



### Elakkan Ruang Kosong

Gunakan bahan pengisi untuk mengurangkan pergerakan produk dan risiko kerosakan bungkusan semasa penghantaran.



### Bungkusan Berat

Jika bungkusan yang dihantar bersaiz berat, pastikan kotak luaran dikukuhkan dengan lapisan tambahan pembalut gelembung dan/atau pembalut pengecut.



### Bungkusan Mudah Pecah

Produk mudah pecah perlu dibalut dengan beberapa lapisan pembalut gelembung. Cadangan umum adalah untuk menggunakan perlindungan pembalut gelembung setebal 8cm. Pelekat "Mudah Pecah" dan "Pegang Tegak" juga perlu dilekatkan dengan jelas pada kotak.



### Kejelasan Waybill dengan Pelekat/Indikator Suhu yang Diperlukan

Pastikan bungkusan tidak mempunyai waybill yang lama atau berlainan. Waybill harus dicetak dengan jelas supaya barcode, kod QR atau suhu yang diperlukan mudah dilihat tanpa kelihatan kabur atau pudar.



### Kaedah H-Taping

Pastikan semua sambungan ditampal dan dilekat padat pada semua sisi pakej. Ulang beberapa kali untuk bungkusan yang lebih berat.

### Kotak Styrofoam dengan Pek Ais\*

Lapisan tambahan pembalut pengecut dan/atau pembalut gelembung mesti digunakan untuk mengukuhkan kotak bungkusan anda. Pek ais kering adalah disyorkan.



### Cari Saiz yang Sesuai

Pastikan produk anda diletakkan di tengah kotak, dengan jarak tertentu dari dinding atau penjuru.



### Elakkan Gabungan Parcel

Setiap bungkusan mesti dihantar secara individu dengan waybill tersendiri untuk mengurangkan risiko kerosakan atau kehilangan bungkusan.



### Bungkusan Bentuk Tidak Sekata

Produk besar yang tidak muat dalam kotak perlu dibalut ketat dengan pembalut pengecut sebelum dibalut dengan pembalut gelembung, dan pastikan semua permukaan ditutup rapi. Sebarang bucu atau tepi perlu dilindungi dengan pembalut gelembung, pembalut pengecut, atau kad bod.

### Beg Aluminium Foam

Letakkan produk dalam beg aluminium foam berpenebat yang baharu, tutup beg dengan rapat dan masukkan ke dalam kotak kad bod untuk perlindungan tambahan jika diperlukan.



### Elakkan Kebocoran

Produk yang mengandungi cecair, termasuk muncung semburan atau pam, perlu dibalut dengan pembalut pengecut.



### Botol dan Cecair

Apabila menghantar produk dalam botol, letakkan botol secara tegak dan lekatkan pelekat "Pegang Tegak" pada parcel.



### Pita yang Betul

Gunakan pita penutup karton yang kuat dan sensitif terhadap tekanan, yang diaktifkan dengan air, atau pita bertelulang sekurang-kurangnya 2 inci lebar. Elakkan dari menggunakan pita kertas kraft, pita pelekat, atau tali.



### Pengasingan Barang

Apabila menghantar pelbagai barang dalam satu bungkusan, setiap barang mesti dibalut secara berasingan. Penghadang perlu digunakan untuk mengelakkan produk dari bersentuhan.

#### Penafian

- Liabiliti Ninja Cold untuk sebarang kehilangan atau kerosakan pada item penghantaran adalah terhad kepada nilai item penghantaran (seperti yang diisyiharkan pada Papan Pemuka) atau RM200 setiap bungkusan, yang mana lebih rendah. Untuk meningkatkan perlindungan di bawah Perlindungan Liabiliti Bungkusan Tinggi kami, sila hubungi kami.

Melainkan tuntutan untuk kehilangan atau kerosakan bungkusan dibuat dalam tempoh 7 hari dari tamat Perkhidmatan Penghantaran dan mengikut prosedur standard lazim Ninja, Pengirim mengetepikan semua tuntutan untuk bungkusan yang hilang atau rosak dan tidak boleh ditarik balik.





## Garis Panduan Pembungkusan Mengikut Suhu

Suhu

Item

Contoh

Garis Panduan

-18°C to -20°C



DAGING BEKU



- Ayam
- Daging Lembu
- Daging Kambing

- Pembungkusan tertutup
- Kotak kad bod
- Tanpa ais / pek ais diperlukan
- Lapisan tambahan pembalut pengecut dan pembalut gelembung mesti digunakan untuk mengukuhkan kotak barang

MAKANAN LAUT BEKU



- Ikan
- Udang
- Ketam
- Kerang

- Pembungkusan tertutup
- Kotak kad bod
- Lapisan tambahan pembalut pengecut dan pembalut gelembung mesti digunakan untuk mengukuhkan kotak barang

MAKANAN DIPROSSES BEKU



- Nugget
- Keropok
- Bebola Daging
- Pekasam

- Pembungkusan tertutup
- Kotak kad bod
- Lapisan tambahan pembalut pengecut dan pembalut gelembung mesti digunakan untuk mengukuhkan kotak barang

MAKANAN SEDIA DIMAKAN BEKU



- Rendang
- Dendeng
- Makanan Diet
- Makanan Keto

- Pembungkusan tertutup
- Kotak kad bod
- Tanpa ais / pek ais diperlukan
- Lapisan tambahan pembalut pengecut dan pembalut gelembung mesti digunakan untuk mengukuhkan kotak barang

AIS KRIM



- Ais Krim
- Ais Batang

- **Dwi-Lapisan** : Beg aluminium foam + kotak karton **atau** kotak kad bod
- Tanpa ais / pek ais diperlukan
- Lapisan tambahan pembalut pengecut dan pembalut gelembung mesti digunakan untuk mengukuhkan kotak barang

BUAH-BUAHAN



BARANGAN TIDAK MUDAH PECAH SAHAJA

- Epal
- Oren

- Kotak karton **atau** beg aluminium foam
- Tanpa ais / pek ais diperlukan
- Lapisan tambahan pembalut pengecut dan/atau pembalut gelembung mesti digunakan untuk mengukuhkan kotak barang anda

UBAT



Ubat yang boleh dibeli tanpa preskripsi doktor di farmasi

- Kotak karton **atau** beg aluminium foam
- Tanpa ais / pek ais diperlukan
- Lapisan tambahan pembalut pengecut dan/atau pembalut gelembung mesti digunakan untuk mengukuhkan kotak barang anda

COKLAT



- Bar Coklat
- Snek Coklat
- Tub Coklat

- Kotak karton **atau** beg aluminium foam
- Tanpa ais / pek ais diperlukan
- Lapisan tambahan pembalut pengecut dan/atau pembalut gelembung mesti digunakan untuk mengukuhkan kotak barang anda


ROTI



- Roti
- Doh Roti Canai
- Doh donut

- Kotak karton **atau** beg aluminium foam
- Tanpa ais / pek ais diperlukan
- Lapisan tambahan pembalut pengecut dan/atau pembalut gelembung mesti digunakan untuk mengukuhkan kotak barang anda

KEK



BARANGAN TIDAK MUDAH PECAH SAHAJA

- Kek Pisang
- Kek Lapis
- Kek Span

- Kotak karton **atau** beg aluminium foam
- Tanpa ais / pek ais diperlukan
- Lapisan tambahan pembalut pengecut dan/atau pembalut gelembung mesti digunakan untuk mengukuhkan kotak barang anda

PRODUK TENUSU



- Susu
- Keju
- Mentaga
- Yogurt

- Kotak karton **atau** beg aluminium foam
- Tanpa ais / pek ais diperlukan
- Lapisan tambahan pembalut pengecut dan/atau pembalut gelembung mesti digunakan untuk mengukuhkan kotak barang anda

18°C to 25°C



### Penafian

- Garid panduan pembungkusan ini hanya untuk rujukan sahaja dan mungkin tidak tertakluk kepada semua barang.
- Pengirim perlu membuat pertimbangan yang wajar dan mengubahsuai mengikut keperluan.




# ninjacold

## Panduan Pembungkusan Ringkas



### Cadangan Saiz



Saiz	Dimensi (W + L + H)	Isi Padu Anggaran	Berat Maksimum
XS	<b>Luar</b> 35 x 28 x 25cm <b>Dalam</b> 31 x 24 x 20cm	14 Litre	5 kg
S	<b>Luar</b> 43 x 30 x 32cm <b>Dalam</b> 38 x 25.6 x 26.5cm	25.7 Litre	10 kg
M	<b>Luar</b> 50 x 38 x 35cm <b>Dalam</b> 43.5 x 32 x 28.5cm	42 Litre	15 kg
L	<b>Luar</b> 61 x 49.5 x 37.5cm <b>Dalam</b> 55.5 x 43.5 x 30cm	72 Litre	25 kg

### Barang Larangan



Tidak Halal



Sekuriti boleh dipasarkan  
(Wang tunai, cek, bil, dll.)



Bahan beracun  
atau bertoksik



Bahan mudah terbakar  
(Bunga api, minyak tanah, tin gas, dll)



Benda hidup  
(Haiwan peliharaan, dll)



Barangan Berharga  
(Wang tunai, emas, barang kemas, dll)



Senjata berbahaya  
(Senjata api, pedang dll)



Peralatan  
Keagamaan



Bahan biokimia  
dan radioaktif



Kad kredit  
atau Kad ATM



Dokumen yang  
Tidak Boleh Disalin  
(Sijil peperiksaan, pasport, dll)



Barangan Seni dan  
Filem yang Tidak Boleh  
Disalin  
(Tulisan draf, filem asal, pita, dll)

Sila rujuk Wakil Akaun Utama anda untuk maklumat lanjut.

\* Penanda tambahan dan/atau label boleh ditampal pada luar bungkusan semasa proses penghantaran.

\*\* Barang yang tidak dibungkus/dilabel dengan betul boleh sama ada:

(i) Dilabel semula/dibungkus oleh staf Ninja Cold dengan kos ditanggung pengirim. (ii) Pembatalan dan seterusnya dihantar kepada pengirim untuk dibungkus semula.